




**FAKTOR TUMPUAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATA  
PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL: KAJIAN PADA PELAJAR  
TINGKATAN EMPAT, SMKSR, MELAKA.**

SALSABILA TANG BINTI ABDULLAH



**KERJA PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**






## ABSTRAK


Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang bertujuan untuk memberi penerangan dan mengenalpasti faktor-faktor ketidak memberi tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual bagi pelajar tingkatan 4 Perancangan tahun 2005 di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Rambai, Melaka.


Kajian memfokuskan kepada beberapa aspek seperti fasiliti studio, pendekatan dan kaedah pengajaran pembelajaran, kesediaan pelajar, status sosioekonomi dan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Manfaat kajian adalah untuk penambahan ilmu pengetahuan termasuk memberi maklumat-maklumat baru, memperoleh hubungan-hubungan dan pertalian-pertalian baru, verifikasi ilmu pengetahuan untuk tujuan pengesahan, memahami, menjangka sesuatu hasil.



Subjek kajian 30 orang pelajar dan penyelidik membina gambaran holistik, menganalisis, membuat laporan terperinci berdasarkan pandangan pemberi maklumat dalam fenomena sebenar. Alat digunakan untuk mengumpul data-data maklumat iaitu temubual, pemerhatian, perakaman visual, pengukuran dokumen arkib dan soal selidik.

Hasil kajian dianalisa secara deskriptif telah menunjukkan bahawa faktor pendekatan dan kaedah pengajaran pembelajaran merupakan penyebab utama dalam masalah ini. Namun ia pula disebabkan guru terlalu sibuk dengan aktiviti luar bidang profesional. Faktor-faktor lain termasuk kurang kesediaan kognitif, kurang dorongan ibu bapa dan kurang melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran pembelajaran.





## ABSTRACT


This survey is done in a qualitative approach with a clear objective to justify the uncertainty factors dealing with the visual art subject involving the Form 4 Commerce students in Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Rambai, Melaka in the year 2005.


This survey is focussed on various aspects such as studio facilities, the method of teaching and learning, the awareness of the students, students socio economy and students attitude to improve their study in visual art. The main aim of the survey is to upgrade the teacher's knowledge with the current information. Having the latest technique and verification for art teacher to understand, only then the visual art teacher can predict and control the outcome.



The survey involved 30 visual art students. The researcher builds up the holistic description, making analysis and writing detailed reports based on the informer's view and the survey is carried out in the actual phenomena. Various technique and instruments are used to collect the information data. The instruments used are interview, observation, visual recording, archive documents and questionnaire.

The result is descriptively analyst and there is no doubt the poor teaching and learning method are the main reasons in the visual art lesson. This due to visual art teacher is busy and active in non-professional works. Besides the art student are said having low cognitive, lack parents support and they are not actively involved in the learning process.





## KANDUNGAN

### Senarai Perkara

### Muka Surat

HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
JADUAL KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
<b>Bab 1      PENDAHULUAN</b>	
1.1    Pengenalan	1
1.2    Latar Belakang Masalah	2
1.3    Pernyataan Masalah	6
1.4    Tujuan Penyelidikan	9
1.5    Manfaat Penyelidikan	10








## Bab 2 LANDASAN TEORITIK

2.1	Pengenalan	12
 05-4506832	 Teori  Konstruktivisme	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
		 PustakaTBainun
		 ptbupsi
2.3	Teori Cara Belajar Bernice Mc Carthy	16
2.4	Teori Motivasi Humanistik	18


## Bab 3 KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pendekatan	23
3.2	Fokus Kajian	25
3.3	Teknik dan Alat Pengumpulan data	26
3.4	Analisis Data	28

## Bab 4 DAPATAN PENYELIDIKAN

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
4.1	Pengenalan	35		
4.2	Huraian Latar Belakang Sampel Kajian	36		
4.3	Gambaran Umum Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Rambai	37		
4.4	Kelengkapan Studio Sebagai Perangsang Pembelajaran	44		
4.5	Pendekatan dan Kaedah Pengajaran Dalam Proses P&P	49		
4.6	Persediaan Penerimaan Pelajar Terhadap Mata Pelajaran PSV	53		
4.7	Latar Belakang Sosio Ekonomi	56		
4.8	Persepsi / Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran PSV	59		
4.9	Analisis Tentang Masalah Ketidak Memberi Tumpuan Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Seni Vsual, SMKSR, Melaka.	61		

<b>BAB 5</b>	<b>SARANAN DAN REKOMENTASI / KESIMPULAN</b>	
5.1	Pengenalan	65
5.2	Fasiliti Persekitaran	66
5.3	Pendekatan dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran	67
5.4	Sikap Pelajar	72
5.5	Kesediaan Kognitif	73
5.6	Sosio Ekonomi	74
5.7	Kesimpulan	75
	<b>RUJUKAN</b>	78
	<b>LAMPIRAN</b>	81 - 128





## SENARAI JADUAL

### Jadual

### Muka Surat

3.1	Matriks kaedah penyelidikan	32
3.2	Rumusan	33
4.1	Taburan kekerapan sampel kajian	36
4.2	Analisa pencapaian peperiksaan akhir tahun	37
4.3	Kejaya sekolah SMKSR dalam bidang keceriaan	43
4.4	Analisa suasana studio dari segi faktor persekitaran	48
4.5	Analisa proses P&P guru	51
4.6	Analisa kesediaan kognitif pelajar	54
4.7	Analisa kesediaan afektif pelajar	54
4.8	Analisa kesediaan psikomotor pelajar	55
4.9	Analisa julat pendapatan keluarga bagi 30 orang sampel kajian	56
4.10	Analisa saiz keluarga bagi 30 orang sampel kajian	57
4.11	Analisa tahap pendidikan ibu bapa bagi 30 orang sampel kajian	57
4.12	Pencapaian PSV mengikut tahap SSE	58
4.13	Gambaran persepsi dan sikap pelajar terhadap mata pelajaran PSV	61
4.14	Matriks analisa data-data tumpuan pelajar terhadap proses P&P PSV	62






## SENARAI RAJAH


### Rajah

### Muka Surat

3.1	Analisis Data : Model Aliran	30
4.1	Organisasi sekolah dalam mencapai visi, misi dan matlamat sekolah	39
4.2	Pelan lokasi bangunan SMKSR	41
4.3	Pelan susun atur studio SMKSR	46
4.4	Pandangan pelajar terhadap faktor persekitaran	48
4.5	Gambaran kesediaan pelajar 4P	55
4.6	Hubungkait pencapaian PSV dengan SSE	58
4.7	Model Rekapitulasi	63










## SENARAI SINGKATAN

P&P	Pengajaran dan pembelajaran
PSV	Pendidikan Seni Visual
SMKSR	Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Rambai
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
MPV	Mata Pelajaran Vokasional





Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi


## SENARAI LAMPIRAN

### Lampiran

### Muka Surat

1	Gambar suasana persekitaran SMKSR	81
2	Gambar sijil dan piala kejaya sekolah	88
3	Gambar suasana studio seni	90
4	Biodata guru PSV	96
5	Gambar ketika guru tidak masuk kelas	99
6	Gambar Aktiviti yang melibatkan guru seni	100
7	Contoh borang pemantauan P&P	102
8	Contoh borang temubual (catatan lapangan)	103
9	Gambar menjawab soalan soal selidik dan temubual	104
10	Gambar proses P&P	108
11	Contoh rancangan persediaan harian	114
12	Gambar kemahiran asas	116
13	Contoh hasil lukisan pelajar	117
14	Keratan akhbar: Guru tidak lagi dibebani urusan pentadbiran	121

### Lampiran lain-lain yang berkaitan




Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Seseorang memerlukan tumpuan yang baik dalam pendengaran, pemerhatian dan pemusatan fikiran supaya berupaya meneruskan untuk beberapa ketika yang diperlukan pada masa belajar atau melaksanakan sesuatu tugas. Perkataan '*tumpuan*' menurut Kamus Dewan (1989:1489) membawa maksud '*sesuatu yang menjadi sasaran dan pusat pemerhatian.*' Terdapat pelbagai faktor yang mendorong minda merawang ke sana ke mari semasa belajar, ia perlu dikawal dan dikenalpasti agar segala aktiviti dapat dijalankan dengan lancar, berkesan dan akhirnya mencapai objektif yang dihasratkan. Pablo Picasso seorang seniman terkenal menyatakan bahawa semasa beliau bekerja, beliau meletakkan jasadnya di luar pintu studio. Ini bermaksud beliau perlu tumpuan minda yang sepenuhnya semasa menghasilkan karya seni.

Dalam proses P&P, banyak perkara yang boleh mengganggu minda seseorang pelajar sehingga menyebabkannya tidak boleh menumpukan perhatian dan pemusatan fikiran kepada apa yang sedang diusahakan. Fikiran, umumnya seseorang mempunyai seratus daya pemerhatian dan pemusatan. Setiap kali mengalakan minda kepada

sesuatu perkara atau aktiviti, sebahagian daripada daya pemerhatian itu telah digunakan atau terbuang begitu sahaja. Penyelidikan kualitatif ini cuba meninjau secara deskriptif, holistik dan interpretatif tentang ketidak mampuan pelajar dalam proses P&P mata pelajaran PSV.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Tujuan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) adalah untuk membangunkan mutu peribadi pelajar-pelajar terhadap nilai estetik, menjadikannya orang yang kreatif dan mempunyai persepsi yang baik terhadap sesuatu. Pelajaran ini juga bertujuan untuk memupuk kesedaran terhadap penggunaan bahan-bahan kesenian selain menghargai hasil seni warisan bangsa sebagai nilai budaya dan merupakan identiti bangsa Malaysia.

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual tidak dapat sokongan daripada masyarakat bukan satu isu yang baru. Pandangan masyarakat menganggap mempelajari PSV adalah membuang masa. Masyarakat lebih mementingkan mata pelajaran primer seperti Sains dan Matematik, tetapi pada hakikatnya PSV memainkan peranan sebagai pengimbang kepada mata pelajaran lain. Manakala aktiviti seni yang dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran dilakukan dalam konteks peranan seni sebagai media komunikasi, seni dalam kehidupan dan persekitaran, dan seni sebagai warisan budaya dan identiti bangsa. (Mazlan Mohamad, 1996)

Kemerosotan pencapaian mata pelajaran PSV dalam peperiksaan umum sering dikaitkan dengan ketidak mampuan semasa pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Menurut L'Hommedieu, Menges dan Brinko (1990), keberkesanan P&P boleh ditingkatkan sekiranya guru dapat memahami persepsi dan sikap murid

terhadap pengajarannya. Ini disebabkan setiap pelajar mempunyai latar belakang, minat dan kebolehan yang berbeza antara satu sama lain. Maklumat yang diperolehi boleh digunakan oleh guru untuk memperbaiki pengajaran seperti melakukan pengubahsuaian dalam teknik dan kaedah pengajaran agar pelajar dapat memberi tumpuan seterusnya memperoleh prestasi pencapaian yang cemerlang.


Pembelajaran merupakan proses pemerolehan kebiasaan, pengetahuan dan sikap. Ia melibatkan cara-cara baru untuk melakukan sesuatu kerja dan bertindak sebagai percubaan-percubaan individu mengatasi rintangan untuk menyesuaikan diri dalam satu situasi baru. Pembelajaran biasanya diertikan sebagai perubahan-perubahan tingkah laku yang progresif. Kimble (1961) menyatakan bahawa pembelajaran ialah perubahan potensi tingkah laku yang lebih kurang tetap dan yang berlaku akibat latihan yang diteguhkan. Manakala menurut Robert M. Gagne (1985), pembelajaran adalah perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang berlaku disebabkan proses pertumbuhan secara semulajadi.

Beliau berpendapat tingkah laku memberi perhatian merupakan langkah pertama dalam proses pembelajaran. Keupayaan pelajar-pelajar memberi perhatian yang teliti terhadap sesuatu pelajaran memang meningkatkan kesediaan belajar.

Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Rambai terletak 500 meter dari pekan Sungai Rambai (37 KM. dari bandar Melaka) Sekolah ini dibangunkan di atas tanah seluas 15 ekar. Ia didirikan oleh kerajaan sebagai memenuhi hasrat penduduk tempatan. Sekolah ini siap dibina pada akhir tahun 1980. Pada mulanya jumlah pelajar hanya 180 orang iaitu satu kelas peralihan dan empat kelas tingkatan satu. Tahun demi tahun bilangan pelajar yang menuntut di sekolah ini semakin bertambah. Pada tahun 2005 terdapat 967 pelajar yang daftar dalam peralihan hingga tingkatan lima.


Visi SMKSR merupakan kenyataan yang menggambarkan secara keseluruhan harapan umum dalam jangka panjang sekolah iaitu: *SMKSR sebagai institusi*

*pendidikan yang kondusif dan unggul dalam menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran mengikut perkembangan terkini bagi melahirkan insan seimbang yang menyumbang kepada pembinaan negara maju mengikut acuan sendiri berteraskan*



*nilai-nilai agama.* Ini bermaksud SMKSR merupakan satu organisasi yang sesuai dan terbaik dalam menjalankan tanggungjawab sebagai tempat penyebaran ilmu pengetahuan kepada generasi muda yang digelar sebagai ‘tiang harapan Negara’. Misi SMKSR pula merupakan tujuan asas dan bitara sekolah dalam perkhidmatannya sebagai insitansi pendidikan. Misi sekolah tegas berkaitan dengan niat sekolah dan meliputi falsafah perkhidmatan sekolah. Antaranya ialah:

- i. Sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan dan P&P.
- ii. Memupuk budaya belajar yang berkesan dan berterusan untuk mencapai kecemerlangan.
- iii. Menyakinkan pelajar menggunakan pengetahuan dan kemahiran bagi *kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat, negara dan dunia sejagat.*
- iv. Mempertingkatkan aktiviti ko-kurikulum dan menggilap bakat pelajar menjadi juara.
- v. Menerap nilai-nilai agama, sahsiah mulia dan jati diri di kalangan warga SMKSR.



Kesemua warga SMKSR berusaha memberi perkhidmatan dan layanan yang terbaik dalam soal memberi kerjasama kepada pelajar, rakan, ibu bapa dan masyarakat. Matlamat akhirnya sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan seterusnya mencapai hasrat Negara.

Page (1977) dalam *International Dictionary of Education* telah mendefinisikan guru sebagai seseorang yang mengajar, terutamanya seseorang yang diupah oleh



sesebuah sekolah untuk mengajar. Good (1999) mentakrifkan guru sebagai seseorang yang telah mengikuti kurikulum profesional di sesebuah institusi rasmi dengan tujuan

untuk membimbing, mengarah pengalaman pembelajaran murid-murid atau pelajar dalam institusi pendidikan sama ada kerajaan atau swasta. Salmeto (199:33) dalam *Dinamika Sekolah dan Bilik Darjah*, Kamaruddin Haji Husin (1994:165) telah mencatatkan kata-kata Alvin W. Howard mengenai perkataan mengajar sebagai *'suatu aktiviti untuk mencuba menolong, membimbing seseorang untuk mendapatkan, mengubah atau mengembangkan kemahiran, sikap, cita-cita, penghargaan dan pengetahuan*. Justeru itu, guru seorang pengajar, tugas utama pengajar ialah menyampaikan ilmu kepada pelajar.

Di SMKSR terdapat 59 orang guru yang telah diiktirafkan oleh Kementerian Pelajaran sebagai tenaga pengajar yang profesional. Guru yang mengajar subjek PSV hanya dua orang guru sahaja dan seorang daripadanya mempunyai pengkhususan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Dalam konteks kajian ini, pelajar-pelajar tingkatan empat adalah pelajar-pelajar yang telah menjalani persekolahan selama 9 tahun (bagi pelajar dari SRK) dan 10 tahun (bagi pelajar dari SRJK) dan lazimnya berusia 16 atau 17 tahun, mereka berada di peringkat sekolah menengah atas. Di SMKSR terdapat enam kelas tingkatan empat iaitu 4 Sains, 4 Teknologi, 4 Iktisas, 4 Ekonomi, 4 Perdagangan dan 4 MPV. Hanya dua kelas beraliran sastera diwajibkan mengambil mata pelajaran PSV sebagai mata pelajaran teras. Dalam penyelidikan ini kelas 4 Perdagangan dipilih sebagai subjek kajian kerana pencapaian akademik mata pelajaran PSV yang makin merosot. Bilangan pelajar seramai 30 orang iaitu 17 orang pelajar perempuan dan 13 orang pelajar lelaki. Pelajar-pelajar tahun ini terdiri daripada kaum Melayu dan Cina sahaja dan mereka telah mengambil peperiksaan Penilaian Menengah Rendah pada tahun 2004. Pembahagian aliran kelas adalah berdasarkan pencapaian peperiksaan PMR.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Faktor tumpuan dalam P&P turut mempengaruhi pencapaian pelajar dalam PSV. Setiap kali keputusan peperiksaan diumumkan, masih ada pelajar yang gagal dalam mata pelajaran ini, tambahan pula pencapaian kualiti amat mengecewakan. Berdasarkan analisa SPM tahun 2000 – 2003 di SMKSR, purata gagal walaupun hanya 3 orang tetapi peratus pencapaian kecemerlangan adalah 3% dan hampir 60% pelajar dapat gred sekadar lulus sahaja iaitu 40 markah ( P7 – P8 ). Keadaan yang tidak menyenangkan ini turut dibimbang oleh guru PSV dalam peperiksaan dalaman baik ujian bulanan atau peperiksaan pertengahan dan akhir tahun. Berdasarkan laporan prestasi pelajar Tingkatan 4 pada awal tahun 2005, purata 80% pelajar lulus antara 40-65 markah sahaja. Masalah ini diperkatakan hampir setiap tahun. Soalnya siapakah yang harus dipersalahkan? Sejauhmana kelemahan pencapaian PSV terletak pada guru dan pihak sekolah sahaja atau mungkin ada kaitannya dengan persediaan emosi pelajar termasuk persepsi, keyakinan dan tahap penerimaan serta pengaruh persekitaran seseorang pelajar. Terdapat 5 sub masalah dalam penyelidikan ini iaitu:

- i) Permasalahan kajian ini meninjau bagaimana suasana fizikal merangsang pembelajaran? Suasana fizikal berkait rapat dengan pengurusan bilik darjah. Konsep bilik darjah adalah berubah-ubah mengikut perkembangan idea pendidikan dari semasa ke semasa. Pada zaman dahulu, lima hingga enam pelajar yang duduk di bawah sebatang pokok besar dan sedang mendengar ajaran seorang mahaguru boleh dianggap sebagai satu darjah. Konsep bilik darjah masa kini biasanya ditafsirkan mengikut fungsi pendidikan atau ciri penyusunan fizikal. Pada dasarnya, sebuah bilik darjah biasanya dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan seperti kerusi meja, papan tulis dan alat bantu mengajar termasuk dua puluh hingga empat puluh orang pelajar dalam



lingkungan umur yang lebih kurang sama dan di bawah jagaan seorang guru. Studio seni adalah bilik mata pelajaran khas, bezanya dengan bilik darjah biasa ialah saiz meja yang besar untuk melakukan aktiviti secara kumpulan. Selain daripada itu ia dilengkapi dengan pelbagai jenis alatan yang membolehkan guru membuat demonstrasi serta memberi peluang kepada pelajar-pelajar menggunakannya dalam kerja amali seperti mesin memotong, mesin mencetak, singki, dapur, tong gas dan lain-lain. Kelengkapan kesemua peralatan dikenali pasti cara mengorganisasi dan mengurus dengan sistematik.

ii) Bagaimana persepsi pelajar tingkatan 4P terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual? Menurut Arasoo (1989) persepsi merupakan tindak balas atau jangkauan atau tanggapan terhadap sesuatu peristiwa/suasana. Ia merupakan proses pada satu tahap yang tinggi dengan mengkaitkan dan membanding bezakan. Zulkiflee Jusoh (1985) dalam kajiannya menyatakan bahawa sikap pelajar yang negatif adalah berpunca dari persekitaran yang negatif, ini membawa kepada perlakuan yang tidak selaras dengan kehendak disiplin. Manakala menurut Harter, 1982; Mc Combs, 1986; Weiner, 1983 telah menyatakan bahawa sikap dan persepsi banyak mempengaruhi tugas seseorang.

iii) Penyelidik turut mengumpul data melihat bagaimana tahap kesediaan pelajar dalam menerima ilmu dan disiplin seni? (perkembangan kognitif, psikomotor dan efektif) Kesediaan belajar adalah merujuk kepada situasi yang wujud dalam diri seseorang individu yang memungkinkannya untuk belajar. Konsep kesediaan belajar selalu difahamkan sebagai kesanggupan belajar yang menegaskan perkaitan beberapa perkara bagi menentukan reaksi seseorang terhadap situasi-situasi yang memerlukan pembelajaran itu. Kesediaan pembelajaran kognitif adalah kesediaan yang melibatkan kematangan mental pelajar-pelajar. Ia bergantung kepada beberapa fungsi intelek yang

boleh berubah-ubah secara berperingkat-peringkat mengikut umur. Kesediaan pembelajaran efektif merupakan kesediaan sikap, perasaan dan nilai seseorang individu terhadap pelajaran yang diikutinya. Kesiapan pembelajaran psikomotor melibatkan kematangan fizikal pelajar-pelajar. Ianya merupakan kebolehan menguasai kemahiran motor yang khusus.

iv) Penyelidik turut ingin mencari kebenaran bagaimana latar belakang sosio ekonomi pelajar? Dalam konteks kelas sosio ekonomi, Noran Fauziah (1986) menyatakan pendapatan keluarga kelas bawahan amat kecil. Oleh itu kemampuannya hanya setakat menampung keperluan asas fisiologi, pakaian dan tempat perlindungan. Situasi ini berbeza dengan kelas sosial pertengahan, disamping menikmati persekitaran bacaan yang lebih selesa, ibu bapa mampu menyediakan alat dan bahan untuk kanak-kanak dan secara tidak langsung membantu dalam kesedaran kepentingan terhadap PSV. Kelas sosio-ekonomi pelajar perlu diketahui guru agar dapat membantu menyediakan bahan asas dengan peruntukan yang diberi oleh kerajaan setiap tahun.

v) Permasalahan kajian ini meninjau bagaimana pendekatan guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran PSV? Konsep pengajaran boleh diuraikan sebagai satu proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran supaya pelajar dapat menguasainya dengan berkesan. Mengikut Thomas F. Green, tujuan mengajar ialah menukar tingkah laku dan kelakuan pelajar melalui perolehan ilmu pengetahuan atau kepercayaan baru. Beliau berpendapat, di dalam proses pengajaran aktiviti latihan atau pelaziman merupakan usaha untuk menukarkan tingkah laku pelajar, manakala teknik tunjuk ajar atau indoktrinasi dapat menyebarkan ilmu pengetahuan dan kepercayaan baru. Pandangan ini telah disokong oleh Ee Ah Meng (1990) mengatakan bahawa proses pengajaran adalah kompleks, ia merangkumi

pelbagai perkara dan fungsi yang saling berkaitan dan hendaklah bertindak secara bersama agar mencapai kejayaan. Manakala menurut Kamaruddin Hj. Husin (1989), proses pengajaran merangkumi perancangan, penyampaian dan penilaian.

Ketidak memberi tumpuan pelajar dalam mata pelajaran PSV adalah tidak adil dipandang daripada sebelah pihak sahaja. Pelbagai kemungkinan faktor mendorong kepada permasalahan ini, seperti persediaan guru PSV dari segi pengalaman dan pencapaian akademik. Kadang-kadang guru veteran mempunyai teknik dan kaedah yang baik untuk menyampaikan ilmu tetapi kekurangan idea yang kreatif untuk mencabar minda pelajar. Aktiviti yang disampaikan tidak inovatif dan kurang menyeronokkan. Manakala guru generasi muda berani mencuba idea-idea baru melalui penerokaan media malangnya tidak mengetahui secara praktik psikologi kanak-kanak dan keperluan pelajar. Guru yang bermatlamat tinggi sentiasa merujuk dan memahami secara mendalam kesemua objektif kurikulum. Mereka berusaha membimbing pelajar menuju ke target yang ditentukan manakala guru yang bersikap sebaliknya dikatakan lebih selesa dalam keadaan pasif.

## 1.4 Tujuan Penyelidikan

Tujuan penyelidikan mengenai kajian “Faktor Tumpuan Di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 Dalam Proses P&P mata pelajaran PSV, Sekolah Menengah Sungai Rambai” dijalankan adalah untuk:

1.4.1 Melihat dan mengenalpasti suasana fizikal studio seni dalam membantu

pencapaian proses pengajaran dan pembelajaran PSV dan seterusnya

meningkatkan kemajuan akademik.

- 1.4.2 Mendeskripsikan beberapa pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar.
- 1.4.3 Mengenalpasti kesediaan pelajar dari segi kognitif, psikomotor dan efektif dalam melakukan aktiviti kerja seni yang diberi.
- 1.4.4 Menentukan sejauhmana pelajar daripada sosio ekonomi yang berlainan mempunyai tahap memberi tumpuan yang tinggi dalam PSV.
- 1.4.5 Menginterpretasikan faktor persepsi pelajar dalam mempengaruhi ketidak memberi tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran PSV dilangsungkan.
- 1.4.6 Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tumpuan pelajar dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik PSV di kalangan pelajar Tingkatan 4P.

1.5 **Manfaat Penyelidikan**


Kesignifikanan atau kepentingan kajian boleh dilihat dari dua sudut. Umumnya sumbangan dapatan kajian ini dapat penambahan dan memperkayakan ilmu pengetahuan atau teori. Secara khususnya pula sumbangan dapatan kajian ini dapat memberi maklumat-maklumat baru, memperoleh hubungan-hubungan dan pertalian-pertalian baru, verifikasi ilmu pengetahuan untuk tujuan pengesahan dan untuk memahami, menjangka, serta mengawal sesuatu hasil. Dapatan kajian ini turut memberi manfaat kepada pihak-pihak tertentu iaitu lebih kepada aspek aplikasi keputusan yang akan diperolehi kepada pelajar, guru PSV, pihak pentadbir sekolah, serta penyelidikan yang akan datang.


Dapatan kajian ini diharap dapat memberi jawapan atau menjelaskan, sekurang-kurangnya dapat memberi gambaran kepada pihak pentadbir sekolah bahawa masalah

ketidak memberi tumpuan dalam proses P&P merupakan salah satu faktor penentu terhadap kejayaan atau kegagalan pencapaian akademik pelajar-pelajar agar pihak pentadbir dapat menyelesaikan masalah berdasarkan punca yang telah dikaji dan diselidik. Pihak pentadbir dapat susun atur rancangan yang paling sesuai untuk mencapai keputusan yang baik. Secara tidak langsung, masalah-masalah disiplin lain seperti ponteng kelas, pergaduhan dan vandalisme yang timbul akibat daripada ketidak memberi tumpuan dalam P&P turut dikenalpasti dan dapat ditangani dengan lebih mudah.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi maklura balas kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pendidikan dan pengajaran khususnya PIBG. Diharap maklumat yang diperolehi membolehkan PIBG membantu guru menyediakan suasana pembelajaran yang sesuai kepada pelajar. Ini kerana sosio ekonomi atau latar belakang keluarga ada kaitan dengan ibu bapa.

Memandangkan pentingnya mata pelajaran PSV dalam kehidupan individu, kesejahteraan masyarakat dan kemajuan negara, dapatan kajian ini kelak boleh membantu guru-guru meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dengan membina strategi dan kaedah pengajaran yang lebih efektif, berkesan dan menyeronokkan. Ini sekaligus membantu pelajar membina sikap yang betul terhadap mata pelajaran PSV. Di samping itu diharapkan dapatan kajian ini dapat mewujudkan kesedaran seni visual di kalangan pelajar. Kepentingan PSV dalam peluang kerjaya pelajar pada masa depan disadari dan kemahiran-kemahiran yang diperolehi berfungsi dalam membina kesejahteraan kehidupan dan yang paling penting sekali ialah agar dapatan kajian dapat membantu pelajar memperolehi keputusan SPM yang cemerlang dan berkualiti pada tahun akan datang.






## LANDASAN TEORITIK

### 2.1 Pengenalan

Kerlinger mentakrifkan teori sebagai sesuatu himpunan konsep, definisi dan saranan, yang saling berkaitan antara satu lain, yang memberi gambaran teratur tentang sesuatu fenomena dengan menyatakan hubungan antara variabel-variabel untuk menerangkan dan meramalkan fenomena. Menurut Tjetjep Rohendi Rohidi teori adalah sistem penjelasan yang saling berhubung dengan lain. Dalam bab ini, tiga teori akan diperbincangkan dengan terperinci iaitu teori konstruktivisme oleh Giambatista Vico (1710), teori Bernice Mc Carthy (1984) dan teori Motivasi Humanistik oleh Maslow (1954). Ketiga-tiga teori ini akan dijadikan asas dan sebagai sumber rujukan dalam kajian ini.

### 2.2 Teori Konstruktivisme



Teori-teori dan pendekatan pembelajaran pada alaf baru ini harus beranjak paradigma daripada pembelajaran berpusatkan guru kepada pembelajaran berpusatkan murid

seperti yang dicadangkan oleh ahli-ahli psikologi konstruktivis. Teori konstruktivisme mengkaji bagaimana kefahaman pelajar mengenai sesuatu maklumat dibina melalui penerokaan dan kajian pelajar mengenai sesuatu konsep dan mereka juga mengaplikasi kemahiran berfikir seperti menganalisis, mengintegrasikan dan membuat refleksi serta membentuk kefahaman baru mengenai sesuatu konsep dan integrasi pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan baru dalam minda pelajar dengan bantuan interaksi sosial bersama rakan dan gurunya.

Menurut Borich dan Tombari (1997:177) dalam bukunya *Educational Psychology. A Contemporary Approach* telah menerangkan pendekatan konstruktivisme ialah:

*“Suatu pendekatan pembelajaran dimana pelajar dibekalkan peluang untuk merangka/membina idea sendiri apa yang dipelajari dengan membina hubungkait dalaman antara fakta dan idea yang dipelajari”*

Dalam definisi tersebut beliau menjelaskan bahawa konstruktivisme adalah pendekatan pembelajaran yang menyediakan peluang kepada pelajar untuk membina kefahaman terhadap perkara yang dipelajari dengan mewujudkan jaringan atau hubungan dalam otak antara idea dan fakta yang sedang diajar atau dipelajari. Oleh sebab itu konstruktivisme juga dikenali sebagai fahaman “binaan”

Menurut A.E Woolfolk dalam bukunya *Education psychology* (1998).

*“Pandangan ahli konstruktivis – melihat penekanan peranan aktif pelajar dalam membina pemahaman dan memanfaatkan maklumat.”*

Sushkin, N., (1999) menyatakan teori konstruktivisme sebagai...

*“menekankan kepada murid daripada guru. Ini adalah kerana muridlah yang berinteraksi dengan bahan dan peristiwa tersebut. Justeru, murid membina sendiri konsep dan membuat penyelesaian kepada masalah. Autonomi dan inisiatif murid hendaklah diterima dan digalakkan.”*

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas jelaslah dalam pendekatan teori pembelajaran konstruktivisme pelajar perlu memainkan peranan aktif dalam memahami



dan memberi makna kepada maklumat atau pengetahuan yang dipelajari. Kelebihan pembelajaran secara konstruktivisme adalah seperti:

- i) Meningkatkan kemahiran berfikir. Dalam proses membina pengetahuan baru, pelajar berfikir untuk menyelesaikan masalah, menjana idea dan membuat keputusan.
- ii) Oleh kerana pelajar terlibat secara langsung dalam membina pengetahuan baru, mereka akan lebih faham dan boleh mengaplikasikannya dalam semua situasi.
- iii) Pelajar lebih ingat dan yakin dalam menyelesaikan masalah.
- iv) Kemahiran sosial diperolehi apabila berinteraksi dengan rakan dan guru dalam membina pengetahuan baru.
- v) Aktiviti lebih mencabar minda dan menyeronokkan.

Salah satu kaedah konstruktivisme ialah pembelajaran koperatif...

*“Pembelajaran koperatif adalah aktiviti pembelajaran berkumpulan dimana berlaku pertukaran maklumat diantara ahli di dalam kumpulan di mana setiap ahli adalah bertanggungjawab terhadap dirinya untuk belajar dan bermotivasi untuk meningkatkan ilmu pengetahuan ahli-ahli dalam kumpulan.” (Vygotsky, 1896–1943)*

Pembelajaran koperatif digunakan bagi membantu meningkatkan hubungan dan kemahiran sosial pelajar di samping mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Para pelajar akan bekerjasama dalam satu kumpulan kecil, membantu satu sama lain untuk memenuhi kehendak tugas individu atau kumpulan secara positif.

Aktiviti pembelajaran yang terjadi dalam kumpulan heterogenius atau tidak sama kebolehan, minat, bangsa dan agama (Slavin 1991). Penglibatan pelajar dalam kumpulan akan meningkatkan kemahiran interpersonal seperti kemahiran membuat keputusan, menganalisis konflik, dan mengekalkan hubungan baik antara ahli kumpulan.

Pembelajaran koperatif memberi banyak kebaikan dan manfaat kepada pelajar seperti kesedaran harga diri, saling hormat menghormati dan bekerjasama. Selain